

Headline	ST rampas kipas tiada perakuan kelulusan		
MediaTitle	Harian Metro		
Date	22 Feb 2018	Color	Full Color
Section	Setempat	Circulation	179,231
Page No	22	Readership	537,693
Language	Malay	ArticleSize	122 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 4,806
Frequency	Daily	PR Value	RM 14,418



## ST rampas kipas tiada perakuan kelulusan

**Putrajaya:** Suruhanjaya Tenaga (ST) merampas 187 kipas siling jenama Fanco bernilai lebih RM100,000 kerana didapati tidak mempunyai Perakuan Kelulusan (CoA) daripada suruhanjaya berkenaan.

ST dalam satu kenyataan berkata, rampasan itu dilakukan di sebuah gudang di Ampang, Selangor pada 25 Januari lalu berdasarkan aduan diterima daripada orang awam.

“Ia adalah rampasan terbesar dilakukan ST dalam tempoh lima tahun dan siasatan lanjut masih dijalankan dengan ST akan mengambil tindakan undang-undang sewajarnya mengikut Seksyen 37(1), Akta Bekalan Elektrik 1990.

“Jika sabit kesalahan, denda sehingga RM100,000 atau penjara hingga lima tahun atau kedua-duanya sekali boleh dikenakan,” katanya.

Menurut kenyataan itu, bagi memastikan kelengkapan elektrik dijual di negara ini selamat, Peraturan 97,

Peraturan-Peraturan Elektrik 1994 menyatakan kelengkapan elektrik yang dikawal diwajibkan untuk mendapatkan CoA sebelum boleh dikilang, diimport, dipamer, dijual atau diiklaskan.

“Selepas CoA dikeluaran, kelengkapan elektrik yang dikawal diwajibkan untuk melalui ujian di Institut Standard dan Penyelidikan Perindustrian Malaysia (SIRIM) dan seterusnya kelengkapan itu hendaklah dilabel dengan label SIRIM-ST sebelum boleh dijual,” katanya.

Pada masa sama, kenyataan itu menyebut, sehingga hari ini sebanyak 34 jenis kelengkapan elektrik di bawah kawalan ST termasuk soket, lampu, cerek air, ketuhar, peti sejuk, pemanas air, kipas dan pengecas.

“ST memandang serius soal keselamatan kelengkapan elektrik kerana menjadi tanggungjawab suruhanjaya ini untuk memastikan keselamatan pengguna dalam menggunakan kelengkapan berkenaan,” katanya.